1.Fikirlah salah satu yang berkuasa mestilah berlainan daripada menusia.Why?salah satu tanda kekuasaan Allah s.w.t kita tidak dapat melihatnya.Salah suatu kekuasaanya dia menciptakan kita.Kalau kita cipta tuhan sudah tentu tuhan itu lemah.Allah cabar manusia supaya meniru alam kejadian walau sebesar kuman.Bolehkah kita meniru seasli kejadiannya?
2.Untuk menunjukkan Allah s.w.t berkuasa tidak perlu menyerupakan kamu dengan aku.Allah s.w.t tidak perlu gambar.Kalau aku tunjukkan rupa(bentuk jasad)adakah kamu akan beriman? sedangkan cara bentuk mukjizat oleh rasulku ada lagi kalangan mu kata sihir.Mereka yang degil ini hanya akan percaya nampak dimata kemudian baru menyembah.
3.Bahayanya gambar kalau diagung-agungkan.Sifat manusia begini dapat lita lihat pada golongan tertentu.Terutama mahzab-mahzab seperti di Iran ,IraQ dan Palestin bagi negara Islam.Mereka ini terlalu

taksub kepada pemimpin yang akhirnya bersenketa seseagama malah sanggup berbunuhan menyamai sifat Allah s.w.t sebagai penghukum.
4.Adakah sifat-sifat ini telah menular dan membahagikan Islam di Malaysia kepada sifat membanggakan mahzab.Kalau kita suka menjadi penghukum oleh tugasan Allah s.w.t perkara ini sudah tentu akan terjadi.Mengajak,menghasuk,memfitnah,maramaikan pengikut yang caca merba ini perlu di kawal.Adalah lebih baik meramaikan yang bersifat kesederhanaan serta pengamal yang di tetapkan Rasul yang terakhir kita.
5.Dalam erti sebenar kita ialah bukan khalifah tapi hamba-hamba untuk pelaksana hukum tuhan.Menganggap diri kita khalifah selepas kematian nabi s.a.w telah menyebabkan kerosakan serta pepecahan umat Islam.
6.Wallahua'lam.
By normal citizenAuthor Profile Page on April 23, 2009 1:53 PM

Salam Tun,

Zaid Ibrahim terbit buku baru berjudul SAYA PUN MELAYU.

Harap Tun bagi pandangan.

By tingtongAuthor Profile Page on April 23, 2009 1:55 PM

hi tun, talking again about the bn govt., the actually facts were rakyat are too disappointed with bn govt. corrucption, keep on increased tolls, petrol,prices of food,ministers talk without resposibility, today increased electricity tomorrow water, indian problems never settled for them etc etc,so much of problems and yet you call for election, you thought last election you won so much so easy and this time also so easy to win, as such rakyat have no other ways to tell the bn except through votes, not that they like pakatan or even anuar but they have no other alternative and they have to teach bn govt. a lesson that all. now is all over, bn govt will take a long time to convince the rakyat that they are going to change, rakyat disappointed for years and do you aspect rakyat to believe in months ? umno is a party for malays and they do not support umno and what else can you say ? strong umno will have strong bn govt.
By mohdardiniAuthor Profile Page on April 23, 2009 2:06 PM

salam Tun. smoga sihat slalu.....truskn bina jambatan lengkok..
By zul81Author Profile Page on April 23, 2009 2:09 PM

The current Perak Gov should purchase Waja than Perdana. That will save more rakyat money.
By RAAuthor Profile Page on April 23, 2009 2:15 PM

Salam Hormat Tun,
Memang sejak Perdana Menteri ke 5 mengambilalih dari Tun saya lihat begitu banyak gambar-gambar besar (PM bersama Isteri, PM bersama Menteri Besar/Ketua Menteri, PM bersama Menteri Kabinet) terpampang di sana sini, malah di seluruh pelusuk negara. Bagi saya gambar-gambar itu semua tidak memberi impak yang baik bagi kerajaan, malah ia dianggap satu kerja pembaziran. Yang rakyat mahu lihat hasil kerja kerajaan kepada keperluan dan kepentingan kehidupan harian rakyat dan negara.
Membuat kajiselidik bagi menentukan punca kekalahan Barisan Nasional dalam beberapa Pilihanraya Kecil selepas PRU ke 12 yang lalu memang amat wajar. Ianya boleh menjadi satu panduan yang amat berguna menentukan kemenangan di masa akan datang khususnya bagi PRU ke 13 nanti.
Namun demikian sebagai rakyat dan pengundi saya juga ada pendapat dan pandangan tersendiri yang mungkin boleh jadi diantara penyebab kekalahan Barisan Nasional dalam PRK baru-baru ini (kecuali di Batang Ai Sarawak). Saya pernah terlibat dengan kerja-kerja kempen pilihanraya membantu Calon Barisan Nasional pada satu ketika dahulu. Calon yang saya bantu kempen itu sentiasa menang walaupun adakalanya majoritinya menurun. Bagi saya itu sudah menjadi asam garam dalam pilihanjaya. UMNO dan Barisan Nasional perlu kembali balik berubah dan menilai kaedah kempen secara lama yang telah terbukti berjaya memikat hati pengundi untuk menyokong calon yang dletakkan di sesuatu kawasan. Memilih calon tempatan yang berintegriti tinggi, mesra masyarakat dan mudah bergaul dalam

semua aspek kehidupan masyarakat yang diwakilinya. Kepimpinan UMNO dan parti-parti komponen yang lain mestilah cukup bersedia mematahkan segala hujjah parti pembangkang khususnya yang bersifat retorik, fitnah, tidak berlandaskan fakta yang betul. Dahulunya UMNO dan parti-parti komponen yang lain begitu banyak mendampingi masyarakat dengan mengadakan beberapa khidmat masyarakat dan majlis-majlis tertentu yang memberikan faedah dan impak besar kepada masyarakat. Menurut pemerhatian saya hari ini parti-parti pembangkang sudah mengambilalih peranan sedemikian daripada UMNO dan Barisan Nasional, atau boleh dikatakan mereka meniru dan menggunapakai kaedah sedemikian dengan begitu meluas. Maka impaknya mereka (parti pembangkang)sentiasa dekat pada hati rakyat. Dengan lain perkataan wakil rakyat Barisan Nasional hari ini dan seterusnya kembalilah dengan kaedah lama tanpa mengenal penat lelah pada setiap masa dan ketika mendampingi rakyat,memahami dan memenuhi keperluan mereka. Tidak ada gunanya kalau hanya bergantung kepada dasar dan perlembagaan parti yang cantik di atas kertas sahaja.

Yg Bhg Tun telah berjaya merealisasikan kaedah yang saya sebutkan semasa menerajui kepimpinan negara, iaitu mesra rakyat dan rakyat tidak merasa kesempitan hidup walaupun negara pada ketika itu mengalami beberapa cabaran seperti kemelesetan ekonomi dan sebagainya.

Semenjak Tun bersara kerajaan mengamalkan sikap terbuka dan mendapat kepujian oleh sesetengah pihak dan membandingkan kebebasan yang diamalkan semasa Tun mentadbir negara. Rupa-rupanya kebebasan yang meluas itu banyak menimbulkan masalah kepada rakyat dan negara. Hari ini semua perkara yang termaktub dalam perlembagaan diperkatakan dan dipertikaikan atas alasan bebas bersuara. Akibatnya ada kalangan kaum yang merasa terguris hati dan tergugat kepentingan mereka. Kebebasan perlulah dibendung dengan adil dan saksama oleh kerajaan yang memerintah. Parti-parti pembangkang haruslah dengan penuh tanggungjawab menggunakan kaedah-kaedah politik yang lebih profesional (tanpa mengungkit-ngungkit apa yang telah termaktub dalam perlembagaan). Hari ini rakyat dimomokkan dengan isu-isu perkauman adakalanya dengan penuh emosi oleh pihak-pihak tertentu (khususnya parti pembangkang)dengan tujuan meraih simpati rakyat terhadap perjuangan mereka. Parti Keadilan Rakyat ditubuhkan pada matlamat asalnya memohon simpati rakyat terhadap apa yang berlaku kepada kepimpinan utamanya setelah dipecat dari kabinet kerajaan Barisan Nasional. Hari ini perjuangan PKR yang mendominasikan Pakatan Rakyat untuk mencapai hasrat dan cita-cita pemimpin utamanya mengambil alih tampuk pemerintahan kerajaan Barisan Nasional. Apakah kelebihan yang ada pada Pakatan Rakyat hari ini. Pemimpin PKR khususnya dipilih dari kalangan mereka yang tidak berpengalaman dari segi politik, pengurusan parti, pengurusan negeri dan negara. Oleh itu ramai yang menarik diri dari menjadi wakil rakyat kerana kurang keupayaan dan memberikan alasan-alasan tertentu diantaranya alasan peribadi. Ini tidak seharusnya berlaku kerana merugikan masa, wang rakyat kerana terpaksa mengadakan pilihanraya kecil berulangkali. Eloklah pihak berkuasa kerajaan mewujudkan satu undang-undang dan peraturan yang boleh menyekat wakil rakyat dari dengan sewenang-wenangnya berhenti atau menarik diri dari terus menjadi wakil rakyat dengan alasan-alasan yang tidak munasabah. Kalau sudah ada perancangan hendak melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi janganlah mahu dilantik menjadi calon dan seterusnya jika menang menjadi wakil rakyat dan memegang jawatan dalam kerajaan. Selepas itu kurang fokus terhadap tanggungjawab yang diamanahkan, malah menjadi beban kepada rakyat dan parti yang memerintah.

UMNO dan Barisan Nasional disarankan tidak lagi mengamalkan sikap yang terlalu terbuka sehinggakan mendedahkan kelemahan dan masalah dalaman parti kepada umum. Isu-isu Kelemahan dan masalah dalaman parti boleh diekploitasi oleh pihak lawan dan boleh melemahkan parti dan pengaruh parti kepada rakyat. Segala kelemahan dan masalah dalaman parti seharusnya dirahsiakan dan diselesaikan secara dalaman dengan cara permuafakatan yang jitu. UMNO yang menjadi tulang belakang Barisan Nasional, kalau boleh ubahlah pendekatan terhadap perjuangan bangsa melayu itu sendiri secara lebih berhikmah supaya tidak kelihatan seolah-olah fokus perjuangan UMNO adalah khusus kepada orang melayu dan bumiputra sahaja. Isu ini menjadi perhatian umum hari ini kerana pihak parti pembangkang sedikit sebanyak sudah berjaya mempengaruhi hati pengundi untuk menyebelahi mereka dengan mengubahsuai fakta-fakta sebenar tentang apa yang UMNO telah lakukan terhadap bangsa lain di Malaysia. UMNO sebagai tulang belakang Barisan Nasional sebenarnya bekerja untuk semua kaum di negara Malaysia ini. Ini sudah terbukti semenjak Barisan Nasional berjaya memerintah negara lebih dari 52 tahun. UMNO dan Parti-Parti Komponen yang lain termasuk Sabah dan Sarawak seharusnya banyak mengadakan aktiviti bersepadu untuk semua kaum di Malaysia, bersesuaian dengan hasrat YAB Dato' Seri Mohd Najib Perdana Menteri Malaysia yang baru yang mahukan setiap pemimpin Barisan Nasional jangan hanya bercakap dan bertindak untuk sesuatu kaum sahaja, bertindaklah berasaskan Satu

Malaysia.
Saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan jutaan terima kasih terhadap Yg Bhg Tun kerana diterima masuk sebagai seorang ahli dalam blogger Yg Bhg Tun dan boleh menulis dan menyampaikan idea dan pandangan secara lebih selesa sebabai seorang rakyat yang cintakan keamanan, kebahagian, kesejahteraan Agama Islam dan bangsa Malaysia. Mudah-mudahan Yg Bhg Tun dan seluruh ahli keluarga sentiasa dalam perlindungan dan rahmat dari Allah SWT.
Sehingga berjumpa lagi dilain ketika. Wassalam.
By FurydoseAuthor Profile Page on April 23, 2009 2:18 PM

Such is the mentality of Malaysians towards politics. We see banners, posters and such, as if it's a popularity contest or beauty pageant. And you know what? That is also the kind of mentality that is being taught to university students regarding the issue of student politics. Not intentionally, but that is what the culture in uni are creating. Students are indifferent to student politics at best. At worst,students only know to express themselves through demonstrations because our rightfully elected student leaders have failed us. Students do not understand or see the mechanics of policies and politics. Student elections are an event of posters, speeches and agendas at best. But after the elections, it quiets down until next year. Is this should be the mentality of Malaysia's future leaders. Further details can be read here:

http://beyonduni.blogspot.com/2008/10/unnecessary-politics-in-mpp-and-mtp.html

Your insight and wisdom is highly appreciated.

Your truthfully,
furydose
By mazlanAuthor Profile Page on April 23, 2009 2:24 PM

Assalamualaikum,

1. Kempen pilihanraya adalah manifestasi parti politik ataupun calon yang yang bertanding. UMNO adalah parti yang suka glamor dan mewah duit. Lihat saja bagaimana jentera mereka digerakkan dengan wang yang banyak. "Ada duit kerja jalan". Ahlinya hanya nampak pulangan kewangan saja. Menang atau kalah calon yang bertanding itu tak penting. Lebih malang ada ahli yang sabotaj kerana kumpulan mereka tak terpilih jadi calon.

2. PAS pula adalah parti yang menjual AGAMA dengan harga yang murah. Pemimpinnya hipokrit. Menangis bila mendengar nyanyian tapi tidak berasa apa bila ayat suci AL-QURAN dibacakan. Melaungkan takbir berkali-kali sambil menyebarkan fitnah. Inikah ISLAM yang diperjuangkan PAS? Saya minta pemimpin PAS terangkan ISLAM yang bagaimana yang diperjuangkan PAS. Siapa imamnya dalam fekah, usulluddin dan tasawuff?

3. PKR pula amat bijak menabur janji. Bak kata pepatah "tanam tebu dibibir saja" manisnya belum tentu terasa. Bulan dan bintang akan di janjikan milik kita semua asalkan undi diberikan. Tak ada lagi yang teraniaya, semua mendapat keadilan dan menjadi tuan di Negara ini.

4. DAP pula seperti binatang dua alam punya. Jika mereka buat atas nama hak, keadilan, meritokrasi dan berbagai-bagai lagi alasan. Jika keputusan speaker Perak tidak boleh dicabar di mahkamah kerana pengasingan kuasa. YB Puchong boleh pula nak saman speaker parlimen. Orang BN jangan cuba nak lihat anak mereka jadi ahli politik selagi mak ayah mereka hidup. Kroni kononnya tetapi mereka habis satu keluarga tak apa atas nama meritokrasi.

5. Memang layak kita semua diperbodohkan mereka kerana kita juga seperti mereka. Hipokrit, ego, pentingkan diri sendiri dan khianat.
Mudah bagi kita menasihati orang lain agar beribadat kerana umurnya sudah tua tapi kita tak payah buat. Adakah syarat beribadat itu bila umur sudah tua? Adakah istilah pencen dalam ISLAM?

6. Kita juga menuduh orang lain sebagai penjenayah dan kotor kerana kita merasakan diri kita bersih dari

dosa dan noda. Tidak pernah muhasabah diri lalu lupa pada diri sendiri yang penuh dengan hasad dengki, dendam dan khianat.

7. Sesungguhnya bangunlah wahai Bangsa Melayu untuk menerangi seluruh alam ini dengan kekuatan AGAMA. Melayu itu adalah ISLAM dan bukan Melayu jika tidak berAgama ISLAM. Kembalilah mengamalkan akhlak ISLAM dan tinggalkan segala maksiat dan kemungkaran ini.INSYAALLAH selamat dan berjaya di dunia dan akhirat.
By kasut getahAuthor Profile Page on April 23, 2009 2:36 PM

In particular the (then) Tourism Minister together with the Prime Minister are seen everywhere. Maybe this is a tourist attraction.

...hehee....I like this one....
By FunkyMunkyAuthor Profile Page on April 23, 2009 2:39 PM

Salam Sejahtera Tun dan warga chedet,

1. I am disappointed to read the article as it did not correspond to the titled heading. I was hoping to see your views on the actual by-elections.

2. By implication and inductive logic, you are implying that BN lost the by-elections due to the banners and posters depicting the 5th PM. I agree there may not have been many real issues, but is it even feasible that BN lost due to the unpopularity of the MIC president and the manner in which the Perak state Government "changed hands"?

3. Perhaps it is time to let the old man rest LAH. Our energies need to be focused on dear S-I-L, and the new tricks he may be up to, if any.

4. However, I agree with you on the issue of politicians on billboards. Not only are they an eyesore, but I would tend to believe many of them could also be illegal, i.e. without proper approval. However, being billboards bearing images of "leaders", no local council would dare to remove them. Patronage is very important!

5. I also agree with you on the newspaper ads. It is a total waste of public funds, exchanging from the Government to "private" hands and pockets (remind me again who controls major newspapers?).

6. This is the kind of idiosyncrasies that the rakyat is fed-up of. I believe that a large silent majority still favours BN over PKR. In times such as this, not only rakyat should feel the pinch, but the Government should be seen to cut back also. So no more large "holiday and shopping" trips on pretext of official visits.

7. I will wait with not-so-bated breath your comments on the following:
a) Why our PM is not taking legal action to clear his name on the you-know-what trial. Is it due to the on-going court case?
b) What about the implications of the huge deals during his time as Defense Minister.
c) Why isn't the UMNO information bureau countering the misinformation (if it really is) spewed by the opposition? Or the Legal Bureau? Or even UNMO Youth (oops, i know why)? Why the deafening silence. Wake up and realise it's a perception war.
d) Would we see a truly united Malaysia in all it's glory in our lifetime?
e) Why even after so many auditor-general reports there seems to be no high-level heads seen rolling?
f) When can we truly call ourselves Malaysians in the true sense of the word, not differentiated by race or others?
g) Would Wawasan 2020 be achieved as targetted?

8. In order to win the next general elections, BN has a lot of ground to cover. A prudent management team needs to start from now to plan out strategies and win the voters over, not three months before the election date.

9. The MACC should be seen to be more powerful, and the Government and political parties on both side of the divide should not interfere in the process of investigation.

10. More focus should be seen in East Malaysia, the opposition is right in targetting these two states as the Governments there have their own unique set of problems.

11. At the moment, there really seems to be no strong leadership seen. BN needs to move fast and counter PR or face insurmountable odds in the next PRU. Then all the billboards with portraits of Ministers et al will not be able to save BN due to the flawed logic you have exposed in point 4.

12. I shudder to think of that day...
By Sang BuanaAuthor Profile Page on April 23, 2009 2:39 PM

Assalamualaikum Tun yg d kasihi berdua.

Saya tak nak cakap banyak2 cuma yang saya amat kesal ialah lihat lah "The DAMAGE" yg AAB telah lakukan pada negara yang kita kasihi ini hanya dalam 5 tahun memerintah. Segala penat lelah pemimpin2 terdahulu terutamanya Tun sendiri (Being the longest & successful PM) hancur luluh. Masa Tun serahkan kuasa pada dia, negara berada dlm makmur dan ekonomi kukuh dll . . Tup tup, dlm 5 tahun segala2nya gone . . Hai lah AAB

Saya amat setuju sekali dgn pendpt Tun terhadap Pemuda UMNO. Sememangnya mereka ini (Yg terlibat dlm undi)malu dengan apa yang telah mereka lakukan dlm pemilihan baru2 ini dgn memilih seorang yg terang2 telah didapati bersalah oleh lembaga disiplin UMNO kerana politik wang sebagai ketua mereka. mereka ini lah sebenarnya pengkhianat bangsa dan negara. Malunya saya hendak mengaku saya bangsa melayu !

Akhir kata saya doakan kesihatan Tun berdua dan sentiasa di limpahi kurnia olehNya.
By T.SpitzerAuthor Profile Page on April 23, 2009 2:40 PM

Dear Dr M, I'm with you all the way on the pictures, posters and advertisements. You nailed it. Hopefully, those who are guilty of these wasteful and shallow practices will take heed.
By kasut getahAuthor Profile Page on April 23, 2009 2:45 PM

Along Jalan Syed Putra there is a huge portrait of the 5th Prime Minister... this is because 5th Prime Minister is the most popular on "chopping" all yours ideas....hihii
By selambaAuthor Profile Page on April 23, 2009 2:52 PM

masalahnya bila nak pilihanraya barulah duyun2 jentera turun.. klu tak senyap sunyi wakil rakyat pun tak kenal siapa.. mcm2 projek mee segera ada.. tv, suratkhbar lak buat promosi habis-habisan.. tektik lama mcm ni harus diubah.. orng dah menyampah..buat poster besar2 sebab lepas pilihanraya hilang, org pun dah tak ingat muka YB sendiri.. buatlah pendekatan baru YB turun padang kenal-kenal dgn peniaga2 pasar malam setiap minggu, pak cik petani.. nelayan.. tanpa kompang2 dan bunga manggar..buat report pd bahagian masalah rakyat.. bukan masalah ahli umno je.. YB jenguk2 lah mesjid buat aktiviti, PM kena melawat negeri-negeri setiap bulan jumpa rakyat biasa. ada 13 negeri dimalaysia.. sebulan sekali.. cukup setahun 1 bulan.. wife2 YB/menteri tu kenalah lowprofile, peramah ngan makcik2 pasar.. menteri2 biarlah senang nak dihubungi, mesra pelanggan, mesra industri
By gadafi905Author Profile Page on April 23, 2009 3:06 PM

Saya tak peduli komen Tun M: Nazri
oleh Zef Othman

KUALA LUMPUR: Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz, berkata beliau tidak mempedulikan komen Tun Dr Mahathir Mohamad bahawa beliau tidak layak dilantik sebagai menteri dan menegaskan masih memegang jawatan itu sehingga kini.

Beliau berkata, pandangan bekas Perdana Menteri yang juga bekas Presiden Umno itu tidak lagi relevan dan menganggap beliau sudah 'tua' dan tidak perlu diperbesarkan isu itu.

"Kamu rasa saya bimbang tentang itu atau terganggu? Tak berbaloi...Apa yang dia (Tun Mahathir) rasa tidak lagi relevan.

"Hari ini sehingga 12.35 tengah hari saya masih menteri di Jabatan Perdana Menteri," katanya pada sidang media di Bangunan Parlimen, tengah hari ini.

Semalam, Dr Mahathir secara terbuka menamakan Nazri dan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Johari Baharum sebagai dua individu yang pernah dikaitkan dengan tuduhan rasuah dan tidak sepatutnya dilantik semula dalam Kabinet.

http://www.bharian.com.my/Current_News/BH/Thursday/Mutakhir/20090423134039/Article/index_html

Dear Tun,

Nazri ni memang jenis bangsa yang kurang ajar. Sakit betul hati saya membacanya. Tanda langsung rasa hormat. Dari dulu sampai sekarang.

By whybee bangi 2Author Profile Page on April 23, 2009 3:07 PM

Salam Tun,

1) Talk about potriats or adverts etc., regardless whether its true or not, your usual critics will say you are worst.

2) But for now this business of Ministers having pictures with the exPM, or pictures of ex PM alone and the adverts to congratulate the new PM is wasteful.

3) Each time they advertise, you can probably built a new Surau, paint a Chinese school, upgrade a Tamil school and resurface dirt road in Sarawak.

3) It tells you something, nothing has change!

4) 1,2,3,4,5Malaysia pun serupa juga 2x5.

Wassalam
By babamelakaAuthor Profile Page on April 23, 2009 3:07 PM

my jb on April 23, 2009 10:38 AM. Betul tu. Kenapa dibiarkan orang seperti Raja Petra buat fitnah atas fitnah? Kalau kita biarkan, bermaharajalela lah dia. Jangan tangkap bawah ISA. Jelas, dia tak takut. Bila keluar, dia bising lagi. Saman saja di mahkamah. Baru padan muka dia!
By MKMAuthor Profile Page on April 23, 2009 3:09 PM

Good Day Tun,

I would like to agree with you that there should be a by-election at Penanti.If BN are not brave enough to contest for the place then that shows that BN has lost the war against the opposition.And the people who supported BN will lose there confidence against the party.
I hope that the new PM will contest the Penanti seat.Wether BN win or loses at Penanti is not the question,there must an election. The opposition party in this country need to be taught a lesson in politics.The opposition are getting more arrogance by the minutes with there false accusation against the

government.Pro-opposition websites such as Malaysia Today and Malaysia kini are creating such havoc in this country with their lies and false accusations towards the government.I hope that the goverment would send RPK and his racist goons to Kamunting(ISA) if they ever try to create another May 13th in this country.That's is the suitable place(Kamunting) for all this racist bloggers to be in right now.

Good Comment again Tun.Take care yourself.

Now Playing : Slayer - Guilty of Being White
By RusliAuthor Profile Page on April 23, 2009 3:10 PM

Dear Tun,

As an observer to the two by-elections, I just got fed up to see the over campaign made by government's TV stations. Why are they airing the 10-11 year old clips of Anwar Ibrahim? Though the objectives were clear, but I think most viewers felt that those kind of campaign was outdated and brought more negative impacts to Barisan than to the Oppositions. As my son said : 'dah muak dan meluat tengok kempen di TV1"

I hope they stop doing all these in the future.
By faizalyusopAuthor Profile Page on April 23, 2009 3:11 PM

Putting up huge pictures of leaders and ministers do have an impact towards gaining votes especially to senior voters who still practice the ideology of giving their votes not becuase they like or support the party, but because they like/support the candidates,but who cares as long as it works!.Now having said that, i do beliave putting up HUGE pictures of ministers/leaders/politcal ideologies launching this and that on buntings,posters,advertisment boards,road junctions,traffic lights,buildings,toilets.etc.etc.. are just plain silly! Its an eysore,does not give any impact and is A WASTAGE OF TAXPAYERS MONIES. and really..it does make the leaders/ministers or whatever look stupid..Tourist attraction? I really doubt it..and frankly speaking, they dont give a s**t who our tourism minister is! I remember during Paklah's regime, whenever he gives a press conference in one of the meeting rooms in UMNO headquarters,if you look closely on the background,there is this huge potrait of him laughing with his hands up ala Kim Jong Ill..I really dont see the point of his a**kissers hanging that potrait and what kind of message is he or the party for that matter is trying to convey..Instead of wasting hundreds of thousands printing posters/banners/buntings that you're only gonna use for 2-3 weeks before they stash it in the thrash bin, why not just build a bronze statue of them and put it in every state to remind the people who their leaders are and who give them food/security ala Stalin/lenin?... It will definately give an impact... a LIFELONG impact..
By AZIFAuthor Profile Page on April 23, 2009 3:11 PM

Tun,

The real reason for both the loses in both the Bukits is really the Rakyat dislike for AAB as the PM. This was predicted in my reply prior to the election. With KJ winning the Ketua Pemuda by methods of malpractices and his request for double recounts indicated him losing, but the third recount finally indacted KJ as the winner.
Despite Tun present and support BN lost with a bigger votes.A person popularity is simarlarly like being respected. No need for posters etc. this has to be earned by individual themself.DSN present approach is applauded, and DSN does not require poster of himself.My advise to UMNO is if UMNO need to win and win as before, is to now remove KJ. UMNO need a new Ketua Pemuda, thus BN will be stronger. Trust in the Rakyat wanting this to happen.DSN & TSMY has to make this happen in order to regain the trust and confidence of the Rakyat.1 bad apple present will destroy the whole crates of good apples available.
By BBSirAuthor Profile Page on April 23, 2009 3:13 PM

Assalamualaikum Tun,
Harap sihat selalu.
Saya amat bersetuju dengan pandangan Tun, saya jugak merasakan BN tidak mengunakan media untuk berkempen seperti yang dilakukan pada PRU12. Keputusannya menunjukan BN menerima kekalahan

yang teruk. Rakyat sekarang sudah jauh lebih maju dan tahu yang mana buruk dan yang mana baik. Untuk menawan hati masyrakat, kita harus tumpukan perhatian kita pada golongan muda yang lebih inovative, yang lebih mempercayai gossip atau fitnah di internet dari kebenaran yang ditunjuk dalam lapuran media yang lebih pro pada kerajaan memerentah. Segala perancangan yang dibuat menjelang pilihan raya akan dikatakan sebagai perkara untuk mengkaburi mata masyarakat dan ini akan membuatkan sokongan kepada BN berkurangan. Ditambah lagi dengan pengaruh anak2 muda kepada ibubapa mereka yang mendapat maklumat melalui internet yang bercanggah dengan berita di media. Oleh itu saya amat berharap BN dapat mengkaji semula segala cara berkempen yang lebih berkesan dan memberi tumpuan pada golongan muda.
Perkara2 seumpama ini kurang berlaku pada zaman Tun jadi PM. Saya percaya jika BN melakukan tugas yang diamanhkan dengan betul tanpa ada apa2 penyelewengan, BN tak perlu merayu undi. Rakyat akan kembali menyokong tanpa berbelah bagi. InsyaAllah.....

Semoga berjaya.
By 'Manusia Biasa'Author Profile Page on April 23, 2009 3:15 PM

Salam YABhg Tun,

People definately has to look at your points about the recent by-election results. It could sometimes be blatant input, but, when we think about it, some how or rather, decribes the whole picture. We have to face it anyway.

"Dare To Change"
By slumberjerAuthor Profile Page on April 23, 2009 3:22 PM

Dear Tun
Setuju dgn pandangan Tun. Apa yang rakyat nampak kerajaan BN terlalu angkuh dan menyangka mereka boleh kekal selamanya. Perlu diingat rakyat adalah bos kepada wakil rakyat yang mereka lantik. Bukannya wakil rakyat nak tunjuk merekalah bos kawasan mereka. Wakil rakyat tak kira BN ataupun pakatan perlu berfikir mereka bekerja untuk rakyat. Bukan bekerja untuk memenuhkan poket ataupun mengampu sesiapa.

Satu lagi saya amat jelik melihat contohnya sebarang pembangunan yang dilakukan oleh kerajaan tertampal "Satu lagi projek kerajaan BN". Naik bakul angkat sendiri. Pendekatan yang diamalkan oleh kerajaan BN menunjukkan kepada rakyat sehingga rakyat jelik. Maaf saya katakan. Kerajaan sepatutnya paham konsep separation of power antara apa yang dikatakan politik dan apa yang dikatakan kerajaan. Sesebuah kerajaan yang dibentuk adalah kerajaan yang dipilih rakyat. Selesai sesebuah pilihanraya semua yang dilantik perlu menjalankan dasar2 kerajaan dan tidak ada kene mengena dgn parti politik. Apa yang rakyat lihat adalah sebaliknya. Kerajaan "BN" menggunakan sepenuhnya infrastruktur kerajaan yang mana milik rakyat.

Semua org tak kira politik membayar cukai pendapatan kepada kerajaan. Bukan kepada BN/Pakatan. Rakyat amanahkan kepada mereka yang dipilih utk menjalankan tugas membela kepentingan rakyat. Bukannya membela kepentingan poket masing2. Apa yang dilihat wakil2 rakyat selepas dilantik memiliki kemewahan yang tidak sepatutnya dimiliki. Sepatutnya mereka selepas dilantik turun melihat keadaan rakyat. Merasa keperitan menjadi rakyat bawahan. Mereka yang susah dibela sewajarnya. Ini yang rakyat cari.

BN patut memilih mereka yang betul2 layak sebagai wakil kepada rakyat. Bukan wakil kepada kumpulan2 tertentu yang berkepentingan.

Saya tidak menyebelah mana2. Saya menyokong mereka yang betul2 berkhidmad kepada masyarakat. Harap jangan di ISA saya. :-)

Ikhlas
Slumberjer.

By wmiwpAuthor Profile Page on April 23, 2009 3:22 PM

Secara jujur, Pembangkang menang krn mrk menggunakan sentimen perkauman. Mrk menabur janji bahawa tiada lagi kuota MELAYU di masa depan, no subsidy, DEB and sebagainya. Kita akan tewas dlam ekonomi dan akhirnya di jajah. Pada awalnya, byk bumiputra termakan akan janji-janji palsu mrk tapi selepas UMNO menerngkan akan kedudukan sebenar, MELAYU kini telah sedar. Sebab itu undi melayu meningkat tapi tidak dari bangsa lain. MELAYU perlu bangun semula kerana, kegagalan UMNO bermkana kita mengadaikan masa depan anak-cucu kita ke tangan pendatang yang tiada hak ke atas TANAH MELAYU, MALAYSIA yg di kasihi... renung-renungkan lah bangsa ku semua.
By SingaAuthor Profile Page on April 23, 2009 3:29 PM

Salam for Tun,

Putting up potraits of leaders may be a normal thing to do in government offices in almost every country. Being a Singaporean who often travels to Johor and frequently patronises some of the government offices there, I agree with what Tun said. In Singapore, the offices will only be decorated with the potrait of the President and the First Lady. In contrast, you will see numerous potraits of not only the state Sultan and the Yang Di-Pertuan Agong and their respective sultanahs, but also the Menteri Besar.
By norkuyowAuthor Profile Page on April 23, 2009 3:29 PM

Dear Tun,
Ini cuma luahan seorang rakyat biasa saja, kekalahan demi kekalahan UMNO dalam by-election bukan sebab poster besar atau kecil tetapi lebih kepada kredibeliti calon dan pihak yang berkempen.UMNO masih menggunakan pendekatan lapok,isu-isu lapok sedangkan rakyat biasa macam saya pun dah muak dengan cara sesetengah pemimpin berkempen.Kita kena aggresif seperti pihak pembangkang yang hanya Tun saya rasa paling berani menangani malaun-malaun ini.Saya bimbang DSN pun akan menjadi "soft" macam Pak Lah.Saya membesar dan dewasa di era Tun, hingga kehari ini masih tidak dapat menerima kepimpinan yang baru.Akhir kata Salam Hormat buat Tun.
By mayaAuthor Profile Page on April 23, 2009 3:46 PM

Salam Tun,
Ramai rakyat tidak suka pada persenoliti Adun/Ahli Parlimen dari BN.. Kebanyakkannya pula "terpaksa" pangkah BN bukan disebabkan orang yang dicalonkan. Lain kali, jangan guna gambar lansung lee... gunakan saja lambang BN... bila calon dari MIC atau MCA kempen dari UMNO BN perlu tekankan lambang BN, bukan calonnya...
Bila calon muka bukan melayu, orang melayu protes... bila calon orang melayu, orang bukan melayu protes..
Gunakan saja lambang BN udah.... sebab ramai rakyat kata BN Baguih, tapi calon tak baguih....
By wesufferAuthor Profile Page on April 23, 2009 4:00 PM

what pakatan raise up issue during by election is facts.
just BN doesnt admit it and twise the facts in news paper.
BN wan to survive, is change PM, throw all the defector of 308 as cabinet. throw ali rustam, throw khairy as well,catch all the king of corruptor 'semi value'
and tun stay away from politician too
this may help BN GAIN BACK SUPPORT
By amhzenAuthor Profile Page on April 23, 2009 4:08 PM

Assallamualaikum Tun

1. Untuk memenangi by-election di Penanti, Bn perlu mempergiatkan
kemasukan ahli UMNO dan parti kompenen BN dengan perbagai cara terkini contohnya melalui internet, kaunter-kaunter diserata tempat sepanjang masa dan program yang berterusan harus dilaksanakan dan rekod keahlian dikemas kinikan ..mungkin dengan adanya kiriman kad harijadi kepada setiap ahli setiap

tahun akan merasakan mereka diingati dan dihargai.

2. Untuk menyakinkan pengundi, ubah cara pendekatan berkempen melalui internet dan blog "AHLI UMNO" untuk mendengar luahan ahli.

HIDUP UMNO HIDUP MALAYSIA.

Salam hormat TUN dan keluarga
By Syed.zAuthor Profile Page on April 23, 2009 4:13 PM

Tun,

Im also wonder why during paklah as PM all the billboard especially from tourism minister the pictures of former tourism minister and PM are everywhere. Along the LPT highway when i use to go back to my hometown, its annoying. Maybe tourist wont come again if they though the then tourism minister is model for the billboard haha.
By melayubaruAuthor Profile Page on April 23, 2009 4:46 PM

YBbhg Tun;

Nasihat untuk Datuk Menteri Besar Perak dan BN

Saya kurang setuju lah dengan penadapat tun yang bn kalah pasai gambar besar tu. BN kalah sebab dsnizar baru beri tanah kat orang cina kampung2 baru. bila orang berbudi kita berbahasa - jadi orang cina pun undi lah dsnizar. saya harap ddz buat lagi baguih, beri sama rata. tanah tersusun pun beri kat orang melayu, tanah untuk orang india pun ada. tak yah tunggu pilihan raya. setakat dua tiga tahun nak PRU#13, orang masih ingat lagi. kalu dah ddz dah abih kemelut dan konform jadi MB, nasihat dari saya ialah dudok lah dengan orang bijak pandai kat perak tu dari gopeng ke, tg malim, teluk intan, sg siput, kampar, kuala kangsor, tapen, terus bertapa kat gunung semanggul atau gua tempurung ke buat lah strategi untuk menang hati rakyat. rakyat negeri perak adalah pelangan ddz. jangan sesekali lupa akan customer ni. macam niaga jugak kalu barang tak ada kualiti, pelangan dia tak cakap kat pengeluar, buat abih air liur je. dia beli barang buatan pengeluar lain je. macam tu lah politik. cakap bn baguih, bn pandai tapi lupa rakyat, buat apa. sekarang belum terlambat, buat analisa betul2. jangan analisa yang tak real, real punya la, pakai fakta bukan syok sendiri punya.kalu nak suroh tulun pun boleh - tapi kena ambik cuti - jauh le dari johor ke ipoh tu - tapi demi bangsa dan negara boleh le....

Tentang Penanti tu umno kena bubuh jugak calon yang jujur. yang boleh buat kerja. tak yah ambik datuk2 tu. ambik assistant2 depa yang selama ni buat kerja untuk datuk2 tu. tak yah abih duit kempen2. tak yah banyak sangat poster besak atau kecik. duit tu boleh buat projek terima kasih kalu menang nanti - lagi baguih. jangan lak cari orang nak lanjutkan pelajaran - tak terbela la nasib orang kampung kat penanti. dulu depa pangkah pkr - tak da pa2 pun. mungkin kali ni depa pangkah bn kot. kalu menang saya cadangkan orang2 kaya bn penang boleh buat derma. cara nya senang je. cari projek kebajikan yang mampu, bayar sendiri projek tu. tak kira kat mana2 pun di penang tu buat lah CSR - tanggungjawab sosial korporat. jangan kira bangsa la ...melayu ok, cina, india ke. Kalu yang kenal dengan anak samy v, lagi baguih. minta derma dari dia. anak dia tu dermawan. Dalam makamah pun dia kata dia banyak derma kat assistant dia yang comel tu. dia tak ada arap apa2 pun. rakyat suka, baru lah rakyat pangkah bn. AMACAM....
By Azman shahAuthor Profile Page on April 23, 2009 5:04 PM

salam Tun,

Saya rasa tak ada bezanya samaada letak gambar besar ke kecil ke..yg paling penting adalah perkhidmatan yg semestinya sampai pada masyarakat dan rakyat khursusnya..Janganlah sampai Negara tergadai..
By tulatuAuthor Profile Page on April 23, 2009 5:17 PM

salam tun,

Saya tertarik dengan topik yang di utarakan oleh tun.Ringkas nya topik ini adalah pasal pembaziran dan ber megah.
Memang pembaziran adalah salah satunya yang di rungutkan oleh rakyat kerana pembaziran yang tak ada untung kpd. rakyat(hanya kontraktor yang untung).Ini bercakap tentang banner dan bill board sahaja.Tak termasuk lain-lain lagi.Dalam pengamatan saya kebanyakkan program kerajaann sekarang banyak menunjuk-nunjuk tentang keraian yang di anjurkan hanya untuk tatapan mata VIP yang hadir. Bukan untuk rakyat.Di situlah juga di bahagi-bahagikan Bunga di baju VIP(yang sampai tertutup muka VIP di buatnya)-(sebenarnya tak poerlu pun)T/Shirt,Goody bag,Pelancaran yang glamour dengan gimmik,Banner,Bendera,belon dll. Tetapi tujuan asal program itu di buat tak sampai pun kepada rakyat.Tahun depan buat lagi ,bazir lagi.Contoh yang boleh di lihat setiap tahun HARI SUKAN/HARI BELIA,hari itu ini dan bermacammacam lagi.
Pembaziran melampau yang sedang di tiru dan menular pula kpd rakyat sekarang adalah pembaziran semasa kenduri kahwin anak yang macam dah tak ada hari esok lagi.Masing-masing berlawan-lawan siapa yang glamour dan mahal dan exclusive.Papa kedana tak apa asalkan ada nama.Maka jemputan yang hadir akan bawalah balik goody bag yang di isi kuih bahulu 1 biji, dodol sejemput,mangkok cawan(nak buat asstray pun tak layak)ada gula-gula 4 biji 10 sen.(budak pun tak ngilir)Tetapi yang menjadi adat resam tak ada pun,,,,telur.Maka trend ini telah menular kepada orang kampong yang serba daif.Tak cukup bagi makan kepda jemputan tak apa.asalkan goody bag di beri.Dan Goody bag ada pula taraf-tarafnya.VIP lain,Kenalan rapat lain/Saudara lain/jemputan yang tak kenal dapat yang paling low class sekali.Jadi kalau nak di bezakan buat apa jemput
Saya rasa nak jadi NGO bagi menyedarkan bangsa dengan pembaziran yang tak perlu ini.Kesian orang kampong,pengantin baru.Orang tu baru nak belajar hidup dah di bebankan dengan hutang yang tak perlu.
Apa komen?????

T.Kasih.
By FSALAuthor Profile Page on April 23, 2009 5:36 PM

the negeri sembilan menteri besar has put up several full-page colour congratulatory messages in major dailies for the new PM as well as thank you messages for the first lady recently. A good way of using public money to butter-up the PM, I think.
By rarunasalamAuthor Profile Page on April 23, 2009 5:45 PM

Tun

I like the way how you "throw up your hands" and state that anything was done against you wish, you had no control of...everybody else has control of their wishes...NICE!

You are a consumate politician...more importantly a consumate actor and "Agony Aunt"

Sir...if you care to research...you'ld find some of the biggest billboards of politicians in Malaysia was of you and of Tunku...now Tunku never had the wish to be portrayed in such a way, but at the end he (like Tun Abdullah) got their pictures displayed.

You on the other hand sir believe you are god's gift to Malaysia and the world...hence you never told those very people who "went against" your wishes and displayed you in their billboards to remove them immediately...c'mon, you're the PM. Are you saying your orders weren't followed - who are you trying to fool here...obviously your supporters buy everything you tell them...

But there are a large community in Malaysia (larger than your support circle) who know you to be the hyprocrite you are...

(Ravi)

By anakbudu3Author Profile Page on April 23, 2009 6:11 PM

ASSALAMUALAIKUM AYAHNDA TUN N BONDA,

Izinkan anaknda,

Kekalahan Bn dikaitkan dengan ketidakupayaan orang2 BN melakukan perkara yang boleh meraih kepercayaan pengundi. Perkara2 baik seperti mengajak rakyat memajukan diri, meningkatkan taraf hidup dengan bekerja lebih tekun dan bertanggungjawab, menjauhi persengketaan antara satu sama lain, mencari kebenaran, meninggalkan sifat2 keji seperti memfitnah, mengada-adakan cerita, mempermainkan ayat-ayat suci AlQuran dan sebagainya TIDAK MENDAPAT SAMBUTAN. Sebaliknya, semua perkara keji dijulang dan diberi tempat istimewa dihati masing2 hinggakan cerita2 fitnah dianggap seperti 'wahyu' dan diiringi laungan takbir pulak!!!

SESETENGAH ORANG SYORKAN BN LAWAN PIHAK PEMBANGKANG MENGGUNAKAN TAKTIK YANG SAMA BAGI MERAIH KEPERCAYAAN PENGUNDI. KATAKAN TIDAK KEPADA SEMUA INI...

1. KALAU PEMIMPIN2 PEMBANGKANG SUKA SANGAT MEMFITNAH, APAKAH PEMIMPIN2 DAN PENGIKUT2 UMNO N BN PERLU MEMFITNAH?
2. KALAU PEMIMPIN2 PEMBANGKANG MINAT MEMAINKAN ISU2 PERKAUMAN, PERLUKAH BN MEMAINKAN ISU YANG SAMA?
3. KALAU PEMIMPIN2 PEMBANGKANG TERUTAMANYA PEMIMPIN2 PAS SENTIASA MEMPERMAINKAN AYAT-AYAT SUCI AL-QURAN, PERLUKAH PEMIMPIN2 UMNO IKUT SAMA?
4. KALAU PEMIMPIN2 PEMBANGKANG TERTAMYA PEMIMPIN2 PAS SANGGUP MENGKAFIRKAN ORANG2 UMNO KERANA BEKERJASAMA DENGAN PARTI2 BUKAN ISLAM, ADAKAH PEMIMPIN2 UMNO AKAN MENGATAKAN YANG SERUPA?
5. KALAU PEMIMPIN2PEMBANGKANG SANGGUP MENGGADAIKAN HAK ORANG MELAYU, ADAKAH PEMIMPIN BN AKAN MELAKUKANNYA JUGA?
6. KALAU PEMIMPIN2 PEMBANGKANG MELABELKAN BN SEBAGAI PARTI HAIWAN YANG JIJIK, ADAKAH BN AKAN MELABELKAN PEMBANGKANG SERUPA JUGA?
7. KALAU PEMIMPIN2 PEMBANGKANG MEMINTA BANTUAN DARI LUAR NEGARA TERUTAMANYA NEGARA2 SEKUTU ISRAEL, ADAKAH BN PERLU LAKUKAN BEGITU JUGA?
8. KALAU PEMIMPIN2 PEMBANGKANG MENGGUNAKAN ANAK2 MUDA SETENGAH AKAL SEBAGAI PROKSI UNTUK BERDEMONSTRASI, ADAKAH BN PERLU BUAT BEGITU?
9. KALAU PENGIKUT2 PAKATAN PEMBANGKANG MENERIMA PEMIMPIN2 PEMBANGKANG YANG RENDAH MORALNYA, ADAKAH PENGIKUT2 BN AKAN IKUT BUDAYA ITU?
10. KALAU PENGIKUT2 PAKATAN PEMBANGKANG DENGAN MUDAHNYA BERTEPUK TANGAN MENDENGAR AYAT-AYAT SUCI AL-QURAN DISAMPAIKAN OLEH ORANG2 BUKAN ISLAM (YANG TERANG2 MENENTANG PEMBENTUKAN NEGARA ISLAM), ADAKAH PENGIKUT2 BN AKAN TERIKUT SAMA?
11. KALAU PEMIMPIN2 PEMBANGKANG MEMPERTIKAI, MEMPERLEKEH DAN MEMAKIHAMUN SULTAN DAN RAJA2 MELAYU, ADAKAH PEMIMPIN2 BN AKAN IKUT SEPERTI MEREKA?
12. KALAU PEMIMPIN2 PEMBANGKANG TERUTAMANYA YANG BERNAMA MELAYU LUPA JASA UMNO YANG TELAH MEMBERIKAN TEMPAT SELUAS2NYA KEPADA MEREKA SELAMA INI HIDUP, BELAJAR, BEKERJA, MENCARI MAKAN, BERKELUARGA, BERPOLITIK DAN MENCARI KEKAYAAN DI NEGARA INI HINGGA ADA YANG MENJADI LEBIH KAYA DARI SEPATUTNYA, KEMUDIAN MENCACI NEGARA DI LUARNEGARA BILA SAHAJA BERPELUANG BERBUAT BEGITU, ADAKAH PEMIMPIN2 DAN PENGIKUT2 UMNO N BN AKAN BERBUAT DEMIKIAN JUGA?
13. KALAU PEMIMPIN2 PEMBANGKANG MENAIKKAN ANAK-BERANAK SENDIRI SEMASA HAYAT MEREKA MEMERINTAH DALAM PARTI, ADAKAH PEMIMPIN2 BN AKAN BUAT BEGITU?
14. KALAU PEMIMPIN2 PEMBANGKANG SENTASA BERCERAMAH TAK KIRA MASA DAN TEMPAT KERANA ITU SAJALAH KERJA YANG MEREKA TAHU, ADAKAH PEMIMPIN2 BN PERLU BERCERAMAH TAK KIRA MASA JUGA?
15. KALAU PEMIMPIN2 PEMBANGKANG MEMPERTIKAIKAN APA YANG TERMAKTUB DI DALAM PERLEMBAGAAN MENGENAI PERKARA2 YANG SENSITIF, PERLUKAH PEMIMPIN2 BN MENGIKUT RENTAK MEREKA?

16. KALAU PEMIMPIN2 PEMBANGKANG MENGAJAR ANAK2 N PENYOKONG2 MUDA MEREKA MENENTANG KERAJAAN DALAM SEMUA PERKARA, HINGGAKAN SEGALA YANG MEREKA NIKMATI HARI INI SEOLAH-OLAH BUKAN DARI PERTOLONGAN KERAJAAN - PENDIDIKAN, KHIDMAT KESIHATAN, KESELAMATAN DAN SEMUA FAEDAH2 HIDUP DALAM NEGARA YANG MAKMUR INI SEOLAH-OLAH TIDAK PERNAH MEREKA KECAPI N RASAI, ADAKAH PEMIMPIN2 BN AKAN MENGAJAR PERKARA BEGITU KEPADA ANAK2 N PENGIKUT MASING2?

DAN BERBAGAI2 LAGI KEBURUKAN PEMBANGKANG TAK PAYAHLAH DISENARAIPENDEKKAN SEBAB TERSANGATLAH PANJANG...

Bagi saya, janganlah kita merendahkan nilai budipekerti dan iman serta kepercayaan kita dengan mengikut rentak pemimpin2 n penyokong2 pembangkang yang ternyata masing2 tidak pernah ikhlas berpolitik tetapi hanya semata-mata mahu merasai berkuasa. Bila sudah berkuasa, memang ternyata mereka tidak berupaya merubah apapun melainkan terus menanam bibit2 kebencian di fikiran penyokong2 mereka selagi mereka tidak berjaya sepenuhnya menguasai dan menjahanamkan negara...jika dibiarkan mereka berkuasa harus negara ini akan jatuh ke tangan kuasa asing jua...

Ayahnda Tun,

Budaya menempel gambar2 pemimpin tempatan dengan pemimpin2 atasan bukan hanya berlaku dalam BN tetapi sangat berleluasa di kalangan pembangkang jua. Di kelantan ni, serata ceruk negeri ada gambar kempen2 adun2 dgn tok guru, poster2 tok guru sendiri pun banyak di tepi2 jalanraya, jalan kampung, banyak di simpang2 dan padang2 di bandaraya islam dan bandar2 daerah, terutamanya gambar tok guru sedang berdoa dan ada juga doa mengutuk orang yang tidak sehaluan dgn pas supaya jadi begitu, begini...adaka lagu tu??? Apa pulak hukum mempamerkan gambar2 pemimpin islam begitu? Bolehka? Kalau orang UMNO buat membazir duit rakyat, berdosa besar, kalau pas buat tak apa, tak bazir, bahkan diredhai pulok...

Maafla nak cakap lagi,

Dua tiga hari lepas, semasa sedang mengajar, datanglah budak2 Melayu muda yang buat wiring kat sekolah, punyalah kurang hajarnya, masuk ke kelas kita sedang mengajar tak bagi salam, ketuk pintu pun tidak, minta izinpun tidak, terus tarik plak sambungan yang saya gunakan untuk laptop saya dalam kelas saya tu masukkan ke plak di dinding dan sambungkan ke extension mereka untuk testing wiring yang mereka buat. Sudahlah berlagak macam rumah makbapak dia, bising pulak di luar kelas macam kita ni tunggul. Saya rasa nak tegur tapi melihat gelagat mereka yang tak makan saman, saya diamkan dulu. Pelajar2 saya pun terpinga2 bila sorang malaun tu masuk ke kelas buat macam tu. Selepas mereka beredar, saya tanya pelajar2 saya, siapa mereka tu. Rupa2nya bekasan pelajar sekolah tu juga yang dulunya tak abis belajar, ada yang gagal dan kaki ponteng, kuat melawan guru dan kasar tingkahlaku...Pelajar2 saya beritahu, makbapak mereka penyokong2 kuat parti pembangkang dan mereka pendokong kuat ajaran parti itu tetapi sayang, perangai mengalahkan pendatang asing...tak ada langsung sikap tomakninnah dalam diri mereka...begitulah kuih kalu dah buruk acuannya...

Ada juga pelajar2 sekolah ni memakai tie hijau!!! Tak tahu apa sebabnya. Suatu masa dulu sekolah ini melantik pengawas buku teks dan memberi tie hijau kepada mereka. Beberapa tahun kebelakangan ni tukar kepada tie purple. Tie hijau di larang pemakaiannya tetapi ada juga pelajar yang terang2 menunjukkan sikap melawan, memakai tie hijau...semasa perhimpunan tak nampak mereka memakainya namun bila lepas perhimpunan, ramai yang pakai. Bagi saya ini sikap hipokrit yang diamalkan oleh pelajar2 yang terpaksa bersekolah disekolah kerajaan tapi akal berkiblatkan pembangkang...tegarrrr

